

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 14 FEBUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	TAMBATUON KAMPUNG PERTAMA DI SABAH HASILKAN BERAS WANGI KELADI ORGANIK, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 FIRST VILLAGE TO PRODUCE FRAGRANT KELADI RICE ORGANICALLY, NEWS, NEW SARAWAK -10	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
3. 4.	BAJA KOMPOS SISA KELAPA SAWIT, INOVASI, BH -V50 ONE THOUSAND ACRES FOR SMALL PLANTATION OWNER TO PLANT COCONUT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6.	BEKAS GURU TERNAK RUSA, HULU SELANGOR, SH -22 ITALIAN MILK FARMER POUR MILK ON THE STREET IN PROTEST OF LOW PRICING FOR MILK, NATION, KWONG WAH YIT POH -A11a	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	INDUSTRI PENGHASILAN BELACAN, CENCALUK SEMAKIN TERANCAM, LAPORAN KHAS, BH -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9.	NELAYAN RAYU KEMBALIKAN ELAUN SARA HIDUP, DALAM NEGERI, UM -10 TERJEJAS KERANA PUKAT APOLLO, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	LPP: ANTARA CABARAN DAN EVOLUSI, LPP, SH -6	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11.	PASAR TANI BEBAS ASAP ROKOK, SENTRAL, SH -21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Tambatuon kampung pertama di Sabah hasilkan beras wangi keladi organik		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Tambatuon kampung pertama di Sabah hasilkan beras wangi keladi organik

BERAS ORGANIK: Francis (kanan) dan Fredrick (tengah) menunjukkan bungkusan beras wangi keladi yang dihasilkan menerusi tanaman secara organik di Kampung Tambatuon. — Gambar Bernama  
KOTA KINABALU: Kampung Tambatuon di Kota Belud menjadi kampung pertama di...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	First village to produce fragrant Keladi rice organically		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## First village to produce fragrant Keladi rice organically

KOTA KINABALU : Kampung Tambatuon in Kota Belud has become the first village in the country to produce fragrant Keladi rice (Beras Keladi Wangi) organically. The rice from the village located about 112 kilometres from here fetches RM10 per 500gm with att...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2019	BERITA HARIAN	INOVASI	V50

V50

**VARSAITI**

BERITA

bhvarsiti@bh.com.my

KHAMIS, 14 Februari 2019 BIL 471 84

## inovasi

# Baja kompos sisa kelapa sawit

➔ Produk memiliki nutrien diperlukan tumbuhan, mempunyai kapasiti ikatan air yang tinggi

**Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin**  
khairul.anam@bh.com.my

### Gambang

**S**eperti yang diketahui umum, kelapa sawit antara tanaman pertanian terbesar di negara ini.

Sehubungan itu, penggunaan kelapa sawit di kilang untuk menghasilkan minyak secara besar-besaran pasti akan meninggalkan sisa tandan kosong dalam kuantiti besar.

Jika dilihat daripada jumlah buah sawit yang diproses, hanya 10 peratus dapat menghasilkan minyak, manakala 90 peratus lagi ialah sisa pertanian yang dikenali sebagai biomas.

Menyedari situasi itu, penyelidik dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, Dr Nor Hanuni Ramli @ Said mendapat inspirasi untuk menjalankan kajian mengenai penghasilan baja organik daripada sisa kilang kelapa sawit.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sum-

ber Asli (FKKSA) itu berkata, penyelidikan dilakukan mampu mengatasi masalah pencemaran alam sekitar dan pengurusan sisa terdapat di sekitar universiti serta negeri berkenaan.

### Berada di pasaran

"Kompos yang dihasilkan adalah 100 peratus organik menerusi kaedah pengomposan iaitu proses penguraian (pengoksidaan) sisa buangan organik kepada bahan akhir yang stabil dan boleh digunakan semula untuk tujuan tanaman.

"Aktiviti penguraian bahan ini dipengaruhi unsur mikroorganisma, pengudaraan, kelembapan dan nutrien atau bahan dikompos yang bersesuaian," katanya kepada *BH Varsiti*, baru-baru ini.

Berkongsi mengenai penyelidikan dijalankan, Dr Nor Hanuni berkata, baja kompos yang terhasil juga memiliki keperluan asas nutrien yang diperlukan oleh tumbuhan dan mempunyai kapasiti ikatan



**Baja kompos 100 peratus organik.**



**Dr Nor Hanuni (kanan)** menunjukkan tanaman bunga yang hidup subur menggunakan baja kompos daripada kelapa sawit.

air yang tinggi.

Lebih menarik, produk terbit turut menerima geran daripada Lab2Market Grant UMP bagi tujuan pengkomersialan.

### Pendedahan masyarakat

"Kami sudah memasarkan baja ini dalam dua jenis saiz iaitu bungkusan seberat sekilogram (RM10) dan bagi bungkusan berat 10 kilogram berharga RM50, bahkan produk ini turut dipamerkan pada MAHA

(Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro) 2016.

"Kita lihat kesedaran masyarakat di negara ini terhadap produk organik terutama sumber makanan masih rendah berbanding dengan negara lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura," katanya.

Dr Nor Hanuni berkata, jika dilihat harga sayur dan buah organik yang dijual di negara maju adalah lebih

tinggi, malah sehingga tiga kali ganda berbanding di Malaysia.

"Oleh itu, penghasilan produk berasaskan organik ini dapat memberikan pendedahan dan mendidik masyarakat untuk menghasilkan sayur serta buah melalui penggunaan baja organik.

"Tidak dinafikan ada setengah produk kompos di pasaran tidak dapat dipastikan ketulenannya berikutan tindakan segelin-

tir pengusaha yang menambah beberapa nutrien daripada sumber bahan bukan organik ke dalam baja kompos yang dijual," katanya.

Beliau berharap supaya penggunaan bahan berasaskan organik dapat ditingkatkan dalam kalangan masyarakat, sekali gus menggalakkan budaya menanam sayur sendiri yang lebih sihat dan jimat, seterusnya membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Headline	One thousand acres for small plantation owner to plant coconut		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	14 Feb 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A21	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	598 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,992
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,976



# 一千英亩地种椰树 小园主新出路

新山13日讯 | 马来西亚农民组织机构全国主席拿督玛兹兰透露，该机构将配合农业与农基工业部，在边佳兰或哥打丁宜一带划定一片约1000英亩土地，作为大规模种植马达椰 (Kelapa Matag) 和香椰 (Kelapa Pandan) 的地点。

他解释，有鉴于原产业物品价格特别是棕油价格过去几年一直走低，小园主针对现况谋出路，包括种植椰子等农作物以获利。

他坦言，目前农业与农基工业部正在研究这项计划，并希望马来西亚农民组织机构能从旁协助，因据他所了解，边佳兰与哥打丁宜确实有足够的农业保留地来进行大规模椰子种植。

玛兹兰今日受邀到马来西亚农民组织机构柔州分局位于班兰的总部，移交冷冻货车给农民组织机构哥打丁宜分局代表时，如是指出。出席观礼者包括马来西亚农民组织机构柔州分局局长阿都嘉里尔，及哥打丁宜分局局长依斯迈等。

玛兹兰透露，一旦证实上述计划可行，该机构将草拟计划书



玛兹兰(左2)代表马来西亚农民组织机构，移交冷冻货车车钥匙给依斯迈(左3)，一旁陪同者为阿都嘉里尔(左)。

并交给农基与农业部核准，然后向中央或州政府申请拨款，以期能尽快落实，为柔州小园主寻找多一项农产品收入。

## 探讨扩大市场链

「目前棕油价格走低，但生活费却高涨，以目前棕油每吨400令吉收入，小园主根本无法负担生活费，而在上世纪80年代，虽

然每吨棕油价格仅有300令吉，但当时的生活费没有那么多高，小园主尚能勉强应付生活开销。」

玛兹兰也告诉与会的会员，国家耆老理事会主席敦达因将会在3月初到访笨珍，以探讨如何进一步扩大本地黄梨出口市场的潜能。

「我们将继续与政府研究，如何进一步扩大本地农产品的市场链，例如本月20日，我们将与联邦农业销售局 (FAMA) 会面，

商讨如何在扩大本地农产品市场链上进行合作。」

他举例，我国特别是柔佛州生产的黄梨已成功打入中亚的杜拜市场，敦达因三月初的到访，就是希望探讨将我国黄梨的市场扩大到中亚其他国家，甚至是欧盟。

与此同时，玛兹兰阿里曼也呼吁农民们能更有远见及生意头脑，积极的为自身种植的农产品宣传，并将市场目标锁定国外。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2019	SINAR HARIAN	HULU SELANGOR	22

## HULU SELANGOR

KHAMIS 14 FEBRUARI 2019 • SINAR HARIAN



Asiah melayani kanak-kanak yang berkunjung ke kandang rusa.



Shamsul merupakan anak peneroka yang menceburi bidang ternakan.

# Bekas guru ternak rusa

**Shamsul tinggalkan profesion perguruan untuk jadi usahawan berjaya**

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

FELDA GEDANGSA

**M**eskipun sukar pada permulaannya, namun kerana minat dan kesabaran sesuatu yang diusahakan pasti boleh berjaya.

Berbekal tekad itu, Shamsul Anuar Md Ali, 41 tahun meninggalkan kariernya sebagai pendidik demi cita-cita mahu membuka sebuah ladang penternakan rusa.

Kini dia mampu tersenyum kerana berjaya memeternak 11 ekor rusa baka Timoransis yang dibina di belakang rumah arwah bapanya di Felda Gedangsa, di sini.

Bapa kepada lima anak itu berkata, usaha memeternak rusa dijalankan sejak dua tahun lalu selepas tertarik dengan penternakan dilakukan seorang rakan di Muar, Johor.

Menurutnya, terdahulu dia merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pantai Sepang Putra selama 10 tahun sebelum berhenti kerja bagi menceburi bidang pemernakan.

"Kemudian saya bekerja di sebuah kilang minyak di Melaka tapi minat terhadap pemernakan menyebabkan saya mahu menceburi bidang ternakan.

"Saya teliti haiwan ternakan apa yang mudah dan lepas melawat kandang rusa kawan di Muar, saya lihat penjagaan rusa lebih mudah berbanding lembu atau kambing.

"Saya beli sepasang rusa dengan harga kawan-kawan RM7,000 dan bina kandang dengan kos RM20,000 di belakang rumah," katanya.

Pemegang Diploma Pendidikan dari Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan itu berkata, dia menambah pembelian rusa secara berperingkat selain berjaya menjual 10 anak rusa dalam tempoh tersebut.

Menurutnya, rusa kebiasaan melahirkan seekor anak selepas tujuh bulan bunting dan anak itu boleh dijual selepas berusia setahun dengan harga RM3,000 hingga RM3,500 mengikut saiz.

"Nak kata pendapatan lumayan, belum boleh lagi maka sebab itu saya dan isteri buka kedai makanan berasaskan

rusa, amab, kambing dan sebagainya di depan rumah.

"Saya juga ternak amab pedaging dan boleh dikatakan, usaha ini cukuplah untuk tempung kos sara hidup kami sekeluarga.

"Selain penjagaan yang mudah dan tahan penyakit, ternak rusa juga kurang berbau dan jiran sebelah pun tak lah merungut," katanya.

Shamsul berkata, setiap pagi dia akan ke kawasan ladang sawit berdekatan mengumpul 20 guni rumput bagi memastikan ternakan itu memperoleh makanan mencukupi selain tambahan dedak.

Menurutnya, seekor rusa memerlukan empat kilogram rumput dan 1.5 kilogram dedak sehari.

"Bila guna sistem kandang fidlot, kita kena bagi makan seratus peratus dan kalau nak cari rumput, kena keluarkan duit beli rumput.

"Setiap bulan saya belanjakan RM500 untuk dedak sebagai makanan tambahan," katanya.

**Jangan terpedaya daging rusa palsu**

Penjualan daging rusa palsu yang mudah diperoleh di pasaran dengan harga RM35 sekilogram menjadi persaingan kepada penternak rusa.

Shamsul berkata, orang ramai

dinasihati agar memeriksa keadaan daging yang dikatakan daging rusa itu agar tidak tertipu terutama ketika musim perayaan.

Menurutnya, daging rusa palsu adalah daging kerbau kerana dijual tanpa tulang dan murah berbanding daging rusa asli dengan RM85 sekilogram.

"Cara paling mudah nak bezakan daging rusa palsu dan original adalah tengok sama ada daging itu ada tulang atau tidak.

"Ada tulang ini lebih kurang macam kita beli daging kambing dan rusa tak ada tulang, itu bukan daging rusa tapi sebenarnya kerbau.

"Daging kerbau tak berbau sama seperti rusa, maka sebab itu ada peniaga yang tipu dan dengan kos memeternak yang mahal, mustahil boleh jual RM35 sekilogram," katanya.

Shamsul berkata, pengunjung boleh menikmati pelbagai hidangan daging rusa seperti stik dan sup di kedai depan rumah berkenaan.

Menurutnya, selain rusa, masakan amab, kambing, ayam kampung dan puyuh turut mendapat permintaan pelanggan.

**Ujang jadi kesayangan ibu**

Keputusan Shamsul untuk memeternak rusa di belakang rumah menjadi khabar gembira buat ibunya, Asiah Hamzah, 70, selepas 15 tahun menetap di rumah empat anak secara bergilir.

Penerokawati itu berkata, rumah di tanah rancangan ditinggalkan selepas suami, Md Ali Sanif meninggal dunia pada Disember 2004.

Menurutnya, keinginan anak bongsu mahu mengusahakan ternakan rusa disambut baik apabila dapat kembali ke rumah berusia lebih 50 tahun.

"Anak-anak risau kalau mak cik tinggal seorang tapi sekarang mak cik gembira ramai yang datang nak tengok rusa, cucu pun seronok," katanya.



Daging rusa asli dijual bersama tulang seperti daging kambing.

Asiah (duduk tengah) turut membantu anak di kedai depan rumahnya.

Headline	Italian milk farmer pour milk on the street in protest of low pricing for milk		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A11a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	580 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,503
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,509



# 不满奶价过低 意农夫倒奶抗议



抗议活动是由上传视频的撒丁岛牧羊人运动 (MPS) 组织的。



上百名意大利撒丁岛的牧羊人日前在街头倾倒羊奶。

(罗马 13 日综合电) 为抗议奶制品售价过低, 上百名意大利撒丁岛的牧羊人日前在街头倾倒羊奶。该地区目前羊奶收购价每升 0.56 欧元 (约 2.58 令吉), 一些生产商称这是自 20 世纪 70 年代以来的最低价格。抗议者称自己不是谁的奴隶, 觉得这样低廉的价格是对生产工作的侮辱。

这些专门经营羊奶和奶制品的奶农抗议奶价格过低。最近几天社交媒体上出现了这些倾倒羊奶的视频。奶农不仅在大街上倾倒羊奶, 使得街上奶流成河, 有的人还跑到了桥上, 向桥下公路上过往的车辆和公路上倾倒羊奶, 犹如奶从天降; 有的人则是直接倾倒在排水道里。

抗议活动是由上传视频的撒丁岛牧羊人运动 (MPS) 组织的。据欧洲新闻网 2 月 11 日报道, 目前撒丁岛的牧羊人奶制品的销量下滑显然与广受欢迎的佩科里诺罗马诺奶酪 (Pecorino Romano cheese) 价格下跌有关。这种奶酪占据了撒丁岛羊奶产量的一半左右。

为了使生产物有所值, 奶农们要求提高价格, 抗议者的口号包括: 我宁愿倒掉, 也不愿以近零的价格卖掉。

## 恫言封锁全岛投票站

撒丁岛奶农当时时间周一发出“最后通牒”, 称如果无法解决奶价格下跌的危机, 他们将封锁全岛各地的投票站, 等待 2 月 24 日的地区选举。

与此同时, 消费者组织 Codacons 表示, 将提出申诉, 要求调查是否有理由相信奶制品行业存在市场操纵行为。

意大利农业部长 Gian Marco Centinaio 表示, 他将与意大利总理一道访问撒丁岛, “与撒丁岛的农民一起进行讨论”。#



有的人还跑到了桥上, 向桥下公路上过往的车辆和公路上倾倒羊奶。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2019	BERITA HARIAN	LAPORAN KHAS	14

## → LAPORAN KHAS



[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER /BH]

Mustaphah menunjukkan pundi sungkur yang digunakan untuk menyungkur udang geragau di Jeti Nelayan Tanjung Kling, baru-baru ini. Gambar kanan, kawasan peniaga belacan dan cencaluk, di Klebang, Melaka.

# Industri penghasilan belacan, cencaluk semakin terancam

➔ Bekalan udang geragau susut, sukar diperoleh akibat projek tambak laut

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@nstp.com.my

► Melaka

Industri penghasilan cencaluk dan belacan, perasa makanan tradisional terkemuka negeri ini, semakin terancam apabila udang geragau, bahan mentah utamanya, semakin pupus yang didakwa berpunca daripada kesan penambakan laut di sepanjang perairan Melaka.

Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kemerosotan tangkapan udang jenis itu yang biasanya diambil menerusi kerja menyungkur di pesisir pantai, semakin ketara.

Ini menyebabkan kebanyakan nelayan tepi pantai negeri ini terpaksa 'menggantung' alat menyungkur udang geragau dan beralih kepada pekerjaan lain.

Ketua Komuniti Perikanan Tanjung Kling, Mustapha Japar, 56, berkata udang geragau kini sukar un-

tuk diperoleh berikutan kerja penambakan pantai, malah jika ada pun, untungnya tidak 'semewah' seperti sebelum projek berkenaan dilaksanakan.

"Jika dulu (sebelum tambak), sekali menyungkur penuh satu sampian dan boleh mencecah sehingga 300 kilogram (kg), tetapi sekarang 30kg pun susah nak dapat.

"Harga jualan juga sudah jauh berbeza. Dulu sekilogram hanya 40 sen, kini segram boleh cecah RM10 dan harga itu sudah tidak boleh diturunkan," katanya yang turut berhenti menyungkur udang geragau.

### Nelayan beralih pekerjaan lain

Berikutan itu, katanya, kebanyakan nelayan di situ terpaksa mencari punca pendapatan lain dengan berniaga atau bersawah.

"Nelayan sangat kecewa kerana bukan sahaja udang geragau makin pupus, tetapi air laut turut terjejas menyebabkan sumber perikanan lain juga berkurangan.

"Kami bernasib baik sebab masih ada bantuan kos sara hidup RM300 daripada kerajaan dan berharap ia diteruskan," katanya.

Mustapha berkata, kawasan pantai yang digunakan nelayan dari Merlimau ke Kuala Sungai Baru bukan saja semakin mengecil sehingga hanya baki 40 peratus, malah mungkin hilang dan 1,800 nelayan tidak lagi wujud di Melaka seku-

rang-kurangnya untuk tempoh lima tahun akan datang.

"Kemungkinan besar, kita juga terpaksa makan ikan import, berbanding ikan segar yang sepatutnya boleh didapati di tempat sendiri," katanya.

Jamilah Atan, 65, berkata sejak berkahwin, dia dan suami yang juga nelayan, Mat Chalit Ablah, 74, mengusahakan perniagaan sampingan menjual belacan dengan mengambil sumber udang geragau dari Kukup, Johor.

"Jika dulu sumber udang geragau di Tanjung Kling lumayan, tetapi selepas projek korek pasir (tambak), sumber pendapatan kami sangat berbeza.

"Jadi, kami terpaksa mencari alternatif lain dengan berulang alik ke Kukup, Johor sejauh 100 kilometer (km) setiap bulan untuk dapatkan bekalan udang geragau sebanyak satu tan untuk dibuat belacan," katanya.

Pembekal cencaluk dan belacan yang juga Pengarah Urusan Hanuris Enterprise, Azizul Hakim Md Arshad, 27, berkata beliau terpaksa mendapatkan sumber udang geragau segar sekurang-kurangnya 30 tan sebulan dari Perak, Johor dan Selangor.

Katanya, negeri ini kaya dengan bekalan sumber udang geragau satu ketika dulu, namun mendakwa hasil berkurangan selepas projek tambak pasir di sepanjang pesisir pantai negeri itu dilaksanakan.

"Nelayan memaklumkan kepada saya, udang geragau sekarang susah nak dapat dalam kuantiti banyak, jika dapat sekurang-kurangnya 30 kilogram (kg)," katanya yang sudah menjalankan perniagaan bersama isteri, Athirah Liakatali, 26, sejak enam tahun lalu.

Beliau mendakwa, 90 peratus perniagaan belacan dan cencaluk dikuasai orang bukan Islam dan faktor itu mendorong beliau sebagai anak muda mempertahankan produk makanan tradisional Melayu itu.

### Peniaga terpaksa dapatkan bekalan dari Johor

Peniaga gerai di Kawasan Peniaga Belacan dan Cencaluk, Klebang, Naisah Abdullah, 40, berkata keluarganya kini terpaksa mendapatkan bekalan belacan dan cencaluk daripada pembekal di Johor selain Melaka.

Beliau mendakwa, sebelum kerja tambak laut dilakukan, keluarga terutama adik-beradiknya mampu mendapatkan hasil sehingga ratusan kilogram udang geragau pada musim pertama dan disimpan di dalam lima tempayan sebagai stok, sebelum diproses dijadikan belacan dan cencaluk untuk musim kedua.

Katanya, beliau kini terpaksa mendapatkan cencaluk dan belacan yang dibuat oleh orang lain untuk dijual, berbanding menghasilkan sendiri sebelum ini yang sekali gus lebih menguntungkan.



Nelayan memaklumkan kepada saya, udang geragau sekarang susah nak dapat dalam kuantiti banyak. 90 peratus perniagaan belacan dan cencaluk dikuasai orang bukan Islam dan faktor itu mendorong beliau sebagai anak muda mempertahankan produk makanan tradisional Melayu itu"

Azizul Hakim Md Arshad, Pengarah Urusan Hanuris Enterprise



# Nelayan rayu kembalikan elaun sara hidup



PANGKALAN bot nelayan pantai di Kuala Bagan Tiang, Parit Buntar, Perak.



Oleh A. MALEK ASLIE  
pengarang@utusan.com.my

■ PARIT BUNTAR 13 FEB.

**G**OLONGAN nelayan di sini mengeluh kerana kehidupan seharian mereka semakin terhimpit selepas tidak lagi menerima Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM300 sebulan daripada kerajaan.

Rata-rata nelayan yang ditemui memberitahu, dengan pendapatan harian yang tidak menentu terutama pada musim tengkujuh, elaun itu banyak membantu mereka menampung kos membeli barangan keperluan harian sebelum ini.

Sehubungan itu, mereka merayu kepada kerajaan supaya mengembalikan semula elaun



OSMAN MAT  
SAAD

tersebut.

Seorang nelayan di Kuala Bagan, **Osman Mat Saad**, 48, masih tertanya-tanya mengapa elaun bulanan tidak lagi diberikan kepada nelayan.

Katanya, elaun RM300 sebulan yang diterima sebelum ini membantu mereka meringankan kos sara hidup terutama yang mempunyai keluarga besar.

"Secara purata setiap kali ke laut, kosnya kira-kira RM100, namun tangkapan belum tentu banyak.



MOHD. FAIZAL  
MAT

"Kami berharap nasib kami diberikan perhatian dan kembalikan semula elaun bulanan untuk kami," katanya.

**Mohd. Faizal Mat**, 25, yang mengambil alih pekerjaan bapanya yang meninggal dunia dua tahun lalu juga berharap elaun sara hidup untuk nelayan dikembalikan.

Dia memberitahu ada memohon elaun tersebut sebagai menggantikan bapanya yang menerima bantuan sama sebelum ini.

"Elaun sara hidup untuk kami amat besar maknanya terutama jika hasil laut tidak begitu banyak.

"Tanpa kad elaun sara hidup nelayan, saya menghadapi masalah di laut terutama jika ada pemeriksaan oleh pihak berkuasa, jika tiada kad tersebut kami boleh dianggap penceroboh," katanya.

## Terjejas kerana pukut apollo

**PARIT BUNTAR 13 Feb.** - Nelayan pesisir pantai di Kuala Bagan Tiang di sini mendakwa jumlah tangkapan mereka terjejas kerana terdapat pihak yang menggunakan pukut apollo dan pukut harimau secara haram.

Mereka mendakwa, kegiatan itu sudah lama berlaku dan berharap pemantauan lebih rapi oleh pihak berkuasa dilakukan.

Bekas nelayan **Ismail Mat**, 74, berkata kegiatan segelintir nelayan menggunakan pukut apollo dan pukut harimau secara haram di kawasan ini di-

lakukan secara aktif sejak lebih dua tahun lalu.

Katanya, ini menjejaskan jumlah tangkapan nelayan pantai di kawasan ini.

"Kegiatan itu dijalankan pada waktu malam hingga subuh. Mereka menceroboh ke kawasan lima batu nautika dari pantai yang menjadi kawasan tumpuan ikan.

"Pukat ini menyebabkan se-



ISMAIL MAT

mua hasil laut, sehingga ikan bilis pun terperangkap," katanya.

Menurutnya, pendapatan nelayan pantai amat terjejas disebabkan kegiatan tersebut.

"Untuk mendapat beberapa kilogram ikan pun susah, kadangkala ada yang pulang dengan tangan kosong.

"Nelayan haram ini licik, mereka seolah-olah dapat menghidu kehadiran pihak berkuasa," katanya.



ULANGTAHUN KE **46**  
Tahun

LEMBAGA  
PERTUBUHAN  
PELADANG

14 FEBRUARI 2019

# LPP: Antara cabaran dan evolusi



Tiga mesin sedang beroperasi di sawah padi.

**S**EJAK penubuhan 46 tahun, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terbukti memenuhi peranan sebagai sebuah agensi yang menyokong kuat agenda Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Ia sekali gus meningkatkan peranan kerajaan dalam menghadapi isu-isu, cabaran-cabaran dan kehendak-kehendak sektor pertanian agar berdaya saing untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan.

LPP menyokong penuh lima hala tuju kementerian yang telah dirangka dengan memberi penumpuan kepada keselamatan makanan negara (food security and food safety), pembangunan ekonomi luar bandar, serta pelaburan swasta dan perdagangan.

*Pihak terlibat perlu ubah pemikiran, jadi payung kepada ahli demi melindungi kepentingan petani*

LPP yang ditubuhkan pada 14 Februari 1973, berdepan cabaran lebih kompleks dalam menyempurnakan peranan yang semakin mencabar, berhadapan komposisi petani muda yang bertambah meningkat bilangannya, memiliki pelbagai idealisme, di samping terdedah kepada peningkatan teknologi pertanian moden.

LPP agensi bertanggungjawab melahirkan peladang produktif yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian. LPP yang juga pendaftar kepada Pertubuhan Peladang, bertanggungjawab memastikan kemajuan dan peningkatan sosioekonomi masyarakat tani sentiasa menyokong kepada pembangunan dan penguatkuasaan aktiviti Pertubuhan Peladang.

Dalam tempoh 46 tahun, LPP telah terbukti menjadi pemacu kepada transformasi industri agromakanan yang dinamik dengan objektif untuk menjamin bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan dalam meningkatkan tahap pendapatan warga tani.

Dalam menghadapi cabaran dinamik yang sedang berlaku, LPP sedang melalui satu lagi evolusi, mengimbangi harapan tinggi masyarakat petani agar memenuhi peranan yang termaktub dalam akta



Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (diukir, tengah) membuat tinjauan di pusat belian padi PPK Pasir Panjang Selangor.

Pertubuhan Peladang itu sendiri. Semua pihak yang terlibat membangunkan Pertubuhan Peladang berperanan menentukan pertubuhan itu beroperasi, digerakkan dan ditadbir urus dengan baik.

Namun, apa yang boleh dilaksanakan atau diusahakan oleh LPP terhadap pertubuhan peladang ini tidak akan menjadi kenyataan jika pengurusan di tiga peringkat khususnya, tidak dapat menghayati dan melihat betapa pentingnya kerjasama, ilmu, kecekapan, dan kompetensi yang diperlukan oleh semua pihak dalam mengurus tadbir pertubuhan peladang.

LPP telah mewujudkan ruang dan potensi untuk membantu petani. Namun, bagi Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman, organisasi yang telah bertapak 46 tahun ini tidak akan kekal relevan sekiranya pemikiran masih ditakuk lama.

Beliau menyarankan supaya Pertubuhan Peladang terus menjadi payung kepada ahli dengan menzahirkan suara, membela nasib dan melindungi

kepentingan golongan petani di seluruh negara.

Katanya, LPP akan meneruskan usaha memantapkan aktiviti pertanian dan memfokuskan pengibatan Pertubuhan Peladang dan ahli peladang bermula daripada pengeluaran sehinggalah kepada pemasaran hasil.

Menjadi keutamaan LPP dalam merangka strategi bagi memastikan bekalan makanan cukup dan selamat dimakan. LPP juga akan tingkatkan pendapatan kumpulan sasar dan sumbangan Pertubuhan Peladang kepada sektor pertanian negara.

"Melalui fungsi pendaftar, pembangunan dan pengurusan telah membuktikan LPP masih relevan dan sentiasa memastikan ahli peladang terbelah.

"Melalui Pertubuhan Peladang jualan pelbagai kemudahan disediakan kepada ahli untuk jalankan aktiviti pertanian bermula dari penyediaan benih dan penanaman sehinggalah pemberian insentif pertanian yang lain seperti baja

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2019	SINAR HARIAN	LPP	7

**Kelab pertanian sekolah** diwujudkan di sekolah-sekolah terpilih bagi memupuk minat anak-anak ke arah pertanian. Selain itu, insentif menarik serta khidmat nasihat kepada golongan belia secara berterusan turut disediakan untuk peserta mengusahakan projek-projek pertanian." - Hamzah



Pengerusi LPP bersama petani dari Jempol, Negeri Sembilan.

dan racun. Malah, kemudahan pembiayaan dan khidmat kejenteraan turut ditawarkan kepada ahli di samping bantuan khidmat nasihat oleh Pertubuhan Peladang," katanya.

**Cabaran aras baharu LPP**

Demi memastikan peranan LPP kekal dinamik dan berupaya menangani tuntutan serta keperluan semasa petani, LPP telah merangka hala tuju yang lebih relevan seiring dengan era yang semakin berubah.

Ketua Pengarah LPP, Hamzah Bahari menyatakan harapan agar warga LPP dan Pertubuhan Peladang bermuhasabah bagi meningkatkan ilmu dan juga memahami sebaik mungkin peranan Pertubuhan Peladang dan peranan setiap individu yang terlibat dalam operasi pertubuhan peladang.

"Selain itu, semua pihak tahu peranan dengan meletakkan amanah, jujur dan integriti di barisan hadapan dalam semua keputusan yang dibuat di Pertubuhan Peladang, Insya-ALLAH akan mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada kumpulan sasar iaitu seluruh warga tani di seluruh negara.

"Semoga warga LPP dan Pertubuhan Peladang dapat memperoleh lizitim tinggi yang selama ini berpaksi kepada setitik peluh sebutir intan, dibimbing menapis yang keruh menjadi jernih, membuang yang bengkok - mengambil yang lurus," katanya.

Sebagai peneraju unggul Pertubuhan Peladang, LPP sentiasa berusaha menilai serta menambah baik polisi dan strategi yang dilaksanakan pertubuhan peladang bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan relevan dengan keperluan semasa.

Menurut Hamzah, keahlian seramai 898,760 orang pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.94% berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan ini menggambarkan kepercayaan masyarakat tani terhadap perkhidmatan yang diberikan. Cabaran penuaan petani (ageing farmers) merupakan isu global dalam sektor pertanian yang dihadapi telah memberi kesan kepada pertubuhan peladang untuk

lebih maju ke hadapan. "Pelapis atau golongan muda diperlukan bagi mengusahakan pertanian dan menjamin kelangsungan bekalan makanan. Pelbagai program diadakan bagi menarik minat golongan muda menyertai pertanian melalui keahlian Pertubuhan Peladang, antaranya my agrosis dan kelab pertanian sekolah.

"Kelab pertanian sekolah diwujudkan di sekolah-sekolah terpilih bagi memupuk minat anak-anak arah pertanian. Selain itu, insentif menarik serta khidmat nasihat kepada golongan belia secara berterusan turut disediakan untuk peserta mengusahakan projek-projek pertanian," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya setiap kejayaan yang dilakar usahawan-usahawan Pertubuhan Peladang diketengahkan terutama kepada mereka yang baru menceburi bidang pertanian secara serenuh masa.

**Strategi memantapkan agromakanan**

Beberapa strategi dan model

perniagaan diwujudkan di setiap aktiviti sepanjang rantaian nilai. LPP telah menyelaras setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang agar selaras dengan perancangan dan hala tuju yang di bentuk.

Tiga aspek utama difokuskan ialah pengeluaran agromakanan, lepas tuai dan pemprosesan serta pemasaran strategi kerajaan mempromosikan bidang pertanian.

Pelbagai insentif dan kemudahan telah dirancang dalam usaha memulihkan persepsi rakyat terutama generasi muda terhadap pertanian. Program-program berteraskan teknologi dan berinovasi diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti sekaligus bantu meningkatkan pendapatan petani.

Kerajaan telah menyediakan pengkhususan bajet bagi pembangunan program pertanian merangkumi aplikasi penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran buah dan sayuran, peningkatan pembekalan benih berkualiti, penstabilan harga melalui jualan terus dari ladang, pewujudan pasaran rakyat serta

**INISIATIF LPP BERKAITAN AGROMAKANAN**

- Jaminan bekalan makanan, kecukupan, kebolehdapatan, keselamatan dan mampu beli
- Pembangunan pertanian bernilai tinggi
- Pembangunan pertanian mampan
- Kluster pertanian dinamik
- Memaksimumkan penjanaan pendapatan
- Pelaburan swasta mengkin transformasi pertanian moden
- Model insan pertanian bestari dan berinformasi
- Pemodenan pertanian berpacuan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Teknologi dan inovasi
- Keunggulan khidmat sokongan pertanian.

**8 STRATEGI TERAS HALA TUJU LPP**

- Mendaulatkan pengeluaran agromakanan
- Mentransformasikan mekanisasi, automasi & Industri Asas Tani (IAT)
- Membangunkan Pertubuhan Peladang sebagai entiti perniagaan & pemangkin pemasaran
- Meremajakan Pertubuhan Peladang
- Mentransformasikan regulatori
- Membangunkan modal insan & profesionalisme anggota/peladang
- Memperkasakan sistem penyampaian yang berkesan
- Memperkasakan teknologi maklumat (IT) sebagai teras kecemerlangan organisasi

penambahbaikan institusi latihan pertanian.

Selain itu, baka juga disediakan bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan kesihatan. Bagi membantu petani mengurangkan kos pengeluaran, kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif pertanian.

Untuk itu, galakan usahawan, petani dan pekebun kecil dipertingkatkan agar dapat mengoptimumkan amalan agronomi yang baru, pengurusan ladang secara moden, penggunaan jentera baru dan teknologi terkini serta menggiatkan Amalan Pertanian Baik atau juga dikenali sebagai Good Agricultural Practices (GAP).



Hamzah (tiga, kiri) bersama Azullita Salim (dua, kanan) bertemu peladang di Kuala Langat, baru-baru ini. Turut sama, Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Salim Parlan (dua, kiri)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	21

# Pasar tani bebas asap rokok

## Larangan merokok di 37 pasar tani di Pahang dikuatkuasa

NORAWAZNI YUSOF

PEKAN

Sebanyak 37 pasar tani di negeri ini akan bebas sepenuhnya daripada asap rokok berikutan larangan merokok di kawasan berkenaan.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang, Rosli Aw Da berkata, larangan ke arah itu akan dilaksanakan sehingga hujung tahun ini di semua pasar tani kekal dan terbuka bagi mewujudkan persekitaran selesa kepada peniaga dan pengunjung.

Menurutnya, larangan bukan sahaja ditetapkan kepada peniaga, tetapi pengunjung juga termaktub

dalam situasi itu. "Ini kerana pengunjung pasar tani terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan usia, jadi larangan tersebut amat bertepatan.

"Saya berharap semua pihak dapat mematuhi peraturan itu kerana saya mahu pastikan pasar tani di negeri ini berada dalam keadaan selesa tanpa mengundang masalah kepada pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pelancaran Kempen Bebas Asap Rokok Pasar Tani Kekal Pekan yang disempumakan Pegawai Daerah Pekan, Datuk Zaliza Zulkifli di Pasar Tani Kekal Pekan, semalam.

Hadir sama Pegawai Kesihatan Pekan Dr Wan Rahim Wan Mohamad.

Pada program kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah itu, sebanyak 80 permit pemiagaan diserahkan kepada peniaga Pasar Tani Kekal Pekan.

Rosli turut memaklumkan, pasar tani adalah antara tempat yang memasarkan pelbagai produk per-



Zaliza dan Rosli Aw Da (kanan) pada program pelancaran Kempen Bebas Asap Rokok Pasar Tani Kekal Pekan, semalam.

tanian segar. Justeru, menurutnya menjadi lokasi pengunjung yang dalam keadaan selesa tanpa gangguan asap rokok.

Pada program sama, Rosli berkata, Pasar Tani Kekal Pekan menjadi perintis kepada Kempen Bebas

Asap Rokok sebelum pelancaran peringkat negeri akan diadakan di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan tidak lama lagi.

Beliau juga memberitahu, pihaknya sudah membuat pelancaran mengenai kempen bebas merokok di tiga pasar tani kekal iaitu di

Jerantut, Chini, Pekan dan Jengka, Maran.

"Kita juga menjangkakan 33 lagi pasar tani terbuka akan dilaksanakan program sama secara berperingkat hingga akhir tahun ini," katanya.

Sementara itu, Zaliza berkata, usaha Fama membebaskan pasar tani kekal Pekan bebas daripada asap rokok adalah satu tindakan terbaik.

Menurutnya, usaha itu dapat mewujudkan persekitaran selesa.

"Selepas pasar tani saya berharap kempen yang sama dapat dilakukan di pekan sehari, pasar pagi dan Pasar Besar Pekan termasuk setiap program membabitkan perhimpunan masyarakat pelbagai peringkat umur.

"Saya yakin golongan perokok di daerah ini dapat menerima peraturan ditetapkan, sebagai contoh larangan merokok dalam restoran dan premis makanan yang dikuatkuasakan Kementerian Kesihatan sebelum ini," katanya.